



جائتن كحا كمن شرعته ماليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62677 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8886 4800

8886 4888

Faks: 03-8889 1621

email: ibrahim@esyariahi.gov.my

Laman Web: www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.BPKR/100-5/5/2 Jld. 2 (2)

Tarikh : 19 Jamadilakhir 1429H/
23 Jun 2008M

**Y.A.A Ketua -Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri.**

ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2008

Penyediaan Draf Perintah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Bil. 1 Tahun 2008 pada 11 Jamadilakhir 1429H bersamaan 15hb. Jun 2008 telah bersetuju dan mengesahkan bahawa mana-mana kes yang telah diberi keputusan / perintah oleh Mahkamah, hendaklah disediakan draf perintah untuk kelulusan dalam tempoh 14 hari bekerja oleh mana-mana pihak atau Peguam Syarie.

2. (i) Jika pihak yang penghakiman atau perintah yang diberi atau dibuat dengan memihak kepadanya diwakili oleh Peguam Syarie, suatu salinan drafnya hendaklah dikemukakan kepada Peguam Syarie (jika ada) pihak yang satu lagi untuk kelulusan dan peguam Syarie itu hendaklah dalam masa 2 hari selepas menerimanya, atau dalam apa-apa masa lanjut sebagaimana yang dalam apa-apa jua hal dibenarkan oleh Pendaftar, mengembalikan salinan itu berserta dengan persetujuannya yang bertandatangan atau apa-apa pindaan yang dikehendaki kepada draf itu.

(ii) Jika Peguam Syarie itu tidak mengembalikan salinan draf itu dalam masa yang ditetapkan, maka dia hendaklah disifatkan telah bersetuju dengan terma-terma draf itu.

(iii) Dalam apa-apa jua hal jika peguam syarie-peguam syarie yang berkenaan tidak dapat bersetuju mengenai draf itu, salah seorang daripada mereka boleh mendapatkan suatu temujanji di hadapan Pendaftar, yang notis mengenainya hendaklah diberikan kepada pihak yang satu lagi, untuk menyelesaikan terma-terma penghakiman atau perintah itu.

(iv) Tiap-tiap penghakiman atau perintah hendaklah diselesaikan oleh Pendaftar, tetapi dalam hal penghakiman atau perintah yang dibuat oleh seorang Hakim, mana-mana pihak boleh menghendaki supaya perkara yang dipertikaikan itu dirujuk kepada Hakim untuk penentuannya.

(v) Jika pihak yang satu lagi itu tidak mempunyai peguam syarie, maka draf itu hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar.

3. Arahan ini tidak melibatkan perintah yang dikeluarkan secara permohonan

Arahan ini berkuatkuasa mulai 30 Jun. 2008.



(Datuk Hj. Ibrahim bin Lembut)

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA